

Headline	Taha, BMR bantu 260 calon SPM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	41	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	437 cm <sup>2</sup>
Journalist	MUKHATAR A. RAHMAN	AdValue	RM 8,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,911



SEBAHAGIAN pelajar bersama wakil Tabung Haji dan Berkat Minda Resources dalam Seminar Bimbingan SPM 2019 peringkat negeri di Kemaman, Terengganu, kelmarin.

# Taha, BMR bantu 260 calon SPM

Oleh MUKHATAR A. RAHMAN  
mukhatar@gmail.com

**KEMAMAN 29 Sept.** - Seramai 260 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyertai Seminar Bimbingan SPM 2019 Peringkat Negeri Terengganu anjuran bersama Kelab Tabung Haji (Taha) dan Berkat Minda Resources (BMR) di Dewan Ibnu Sina Kolej Universiti TATI (TATIUC) di sini semalam.

Timbalan Pengarah Tabung Haji (Tabung Haji) Terengganu, Nizan Johar Abdul Wahab berkata, seminar itu diadakan antara lain bagi membantu pelajar membuat persediaan awal menghadapi peperiksaan itu pada hujung tahun ini, selain mendedahkan mereka dengan teknik menjawab soalan mata pelajaran Bahasa Melayu, Sains dan Matematik.

Menurutnya, program yang melibatkan 10 sekolah di sekitar daerah Kemaman itu mendapat sambutan luar jangka daripada peserta dan merupakan siri jelajah ke-12 daripada keseluruhan 14 program yang diadakan di seluruh negara.

Katanya, antara sekolah terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Agama Al-Falah, SMK Rasau Felda Kerteh 5, SMK Cerul, SMK Banggol, SMK Sultan Ismail Dua, SMK Bukit Kuang, SMK Binjai, SMK Bukit Mentok, SMK Ayer Putih dan SMK Seri Bandi.

"Calon yang merupakan ahli Kelab Taha sangat bertuah kerana kami membawakan barisan guru bimbingan dan penceramah yang bukan sahaja berpengalaman mengajar malahan cukup berpengalaman," katanya selepas majlis perasmian program itu di sini petang semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Berkat Minda Resources, Mahmud Mat Ali; Pengarah Berkat Minda Resources, Nor Azni Mohd. Mokhtar dan Pengurus

Tabung Haji Cawangan Kemaman, Mohd. Ezham Leman.

Nizar Johar berkata, menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR), saban tahun Tabung Haji didukung bersama bagi memastikan kecemerlangan anak-anak berada pada tahap maksimum.

"Sebagai badan korporat, kami tidak mahu hanya dikenali sebagai agensi yang menguruskan jemaah haji semata-mata tetapi juga menyumbang dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan secara menyeluruh meliputi sekolah rendah, menengah dan peringkat universiti yang menjadi salah satu keutamaan kami," katanya.

Dalam pada itu, seorang pelajar dari SMK Cherul, Nur Aqilah Mohamad, 17, berkata, dia rasa bertuah apabila terpilih menyertai seminar tersebut sekali gus membantunya mempelajari serta menguasai teknik menjawab soalan khususnya subjek Matematik.

"Saya bersyukur dapat menyertai program ini dan ia sangat membantu. Melalui seminar ini, saya dapat menguasai teknik dan cara menjawab soalan dengan berkesan dan meyakinkan. Terima kasih kepada penganjur atas inisiatif menganjurkan program ini," katanya.

Seorang lagi peserta, Muhammad Izhah Abdullah, 17, dari SMK Rasau, Kerteh 5 berkata, dalam seminar itu, peserta diketengahkan dengan teknik menjawab kertas soalan SPM bagi tiga subjek utama iaitu Bahasa Melayu, Sains dan Matematik.

"Banyak teknik baharu menjawab soalan yang dikongsi tenaga pengajar, malah kefahaman saya dalam subjek berkenaan juga bertambah baik, bagi saya program ini sangat bagus dan beri manfaat besar kepada calon," katanya.